

10 NOV 2002

Abdul Kadir-Rumah (Bergambar)

RUMAH TERBUKA AIDILFITRI 2002 DI ALOR STAR

ALOR STAR, 10 Nov (Bernama) -- Rumah terbuka Kerajaan Persekutuan sempena sambutan Aidilfitri tahun ini akan diadakan di Alor Star pada 21 Dis ini, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Beliau berkata rumah terbuka itu akan dihadiri oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid, Sultan dan Sultanah Kedah, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Kita sedang fikirkan lokasi yang sesuai untuk sambutan itu, yang dijangka dihadiri lebih 200,000 rakyat termasuk warga Thailand," katanya pada sidang media selepas sesi taklimat Majlis Tindakan Pelancongan Kedah (MTPK) di sini, hari ini.

Abdul Kadir berkata beliau akan ke Bangkok esok untuk menjemput Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra untuk bersama-sama pemimpin negara ini merayakan sambutan itu.

"Selain itu, kita turut menjemput gabenor di lima wilayah di selatan Thailand iaitu Pattani, Yala, Satun, Naratthiwat dan Songkhla. Setakat ini, gabenor Yala dan Pattani telah bersetuju untuk hadir," katanya.

Beliau berkata pihaknya akan memohon kerjasama daripada Kementerian Dalam Negeri untuk membolehkan pintu pagar sempadan di Bukit Kayu Hitam dibuka 24 jam pada hari berkenaan untuk memudahkan urusan keluar masuk warga Thailand ke majlis itu.

"Kita berharap majlis itu akan mengeratkan hubungan antara rakyat di utara Malaysia dengan rakyat selatan Thailand. Tahun lepas, kita adakan majlis serupa di Johor Baharu dan lebih 30,000 warga Singapura hadir," katanya.

Sementara itu, Abdul Kadir berkata bangunan bekas kompleks Mahkamah Tinggi di Jalan Raja di sini akan diubah suai untuk dijadikan pejabat Penerangan Pelancongan Kedah.

"Kos ubah suai menelan RM550,000 dan akan bermula tidak lama lagi serta dijangka siap dalam masa empat bulan. Selain itu, kita turut membina bangunan MTPK, pejabat Pelancongan Malaysia dan pejabat Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan kementerian di situ," katanya.

-- BERNAMA

MAN NAK